

21 DISEMBER 2017

Dadah: 2 pelajar Nigeria dihukum gantung

Dadah: 2 pelajar Nigeria dihukum gantung

SHAH ALAM 20 Dis. - Dua pelajar kolej swasta warga Nigeria dihukum gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini selepas didapati bersalah mengedar 3.5 kilogram dadah di sebuah pangsapuri di Petaling Jaya, tiga tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan oleh Hakim Datuk Abdul Halim Aman selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes ke atas tertuduh, Mustafa Azmir, 28, dan Jude Nnamdi Azhonye, 30.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh yang merupakan pelajar sebuah kolej di ibu negara itu didakwa mengedar methamphetamine di hadapan Blok 3, SD Apartment 1, Persiaran Meranti, Petaling Jaya pada pukul 3.30 petang, 2 September 2014.

Kedua-dua tertuduh dibicarakan mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati jika sabit kesalahan.

Abdul Halim dalam penghakimannya berkata, mahkamah meneliti keterangan daripada 13 saksi pendakwaan dan dua saksi pembelaan selain meneliti 73 eksibit yang dikemukakan.

“Pihak pembelaan di akhir kes ini didapati gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah dan tiada keterangan yang menyangkal hujahan pendakwaan secara keseluruhannya,” katanya.

